

19/08/2003

Kad terpanjang untuk PM

Thaddius Unnip

SIPITANG: Kira-kira 1,800 penduduk daerah ini menyatakan ucapan penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melalui kad ucapan gergasi yang dihasilkan Sekolah Menengah Pangeran Omar (SMPO) sempena persaraannya Oktober depan.

Kad ucapan itu sepanjang 120 meter dan 0.76 meter lebar, bakal dicatatkan dalam Malaysia Book of Records sebagai kad ucapan terpanjang di negara ini.

Antara yang menandatangani kad ucapan berkenaan ialah Ahli Dewan Undangan Negeri Sindumin, Datuk Sapawi Ahmad dan Ahli Parlimen Sipitang, Datuk Dr Yusof Yacob.

Selain itu, seramai 106 guru sekolah rendah dan menengah di Sipitang serta 1,670 pelajar menandatangani dan menyatakan ucapan penghargaan kepada Dr Mahathir dalam kad ucapan berkenaan.

Kad ucapan itu akan dilancarkan pada 21 Ogos ini di Dewan Serbaguna Sipitang untuk mendapatkan pengesahan Malaysia Book of Records sebelum diserahkan kepada Perdana Menteri.

Setiap ucapan penghargaan dalam kad berkenaan dihadkan kepada 15 perkataan dan disusuli tandatangan, nama serta jawatan.

Antara tujuan kad berkenaan ialah menghargai dan menyatakan rasa bangga terhadap sumbangan dan kepemimpinan Perdana Menteri yang membawa negara mencapai kemakmuran dan keharmonian.

Selain itu, ia mahu menimbulkan kesedaran di kalangan pelajar dan masyarakat untuk menghargai dan mengucapkan terima kasih terhadap sumbangan pemimpin.

Dalam masa sama, langkah berkenaan juga dikenal pasti dapat memupuk kemesraan dan semangat kerjasama antara pelajar, guru, pemimpin dan masyarakat.

Projek untuk Malaysia Book of Records itu adalah yang pertama dianjurkan SMPO membabitkan kerjasama antara guru dan pelajar, pemimpin serta masyarakat Sipitang secara keseluruhan.